

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)  
KUALA LUMPUR

Oleh

SARIPAH BINTI MASEALING  
Sarjana Muda Pengurusan (Prilisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

1100045486



LI 80 FPE 1 2005



1100045486  
Laporan akhir latihan industri di Lembaga Kemajuan Tanah  
Persekutuan (FELDA), Kuala Lumpur / Saripah Masealing.

**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100045486		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI LEMBAGA KEMAJUAN TANAH  
PERSEKUTUAN (FELDA)  
KUALA LUMPUR**

**OLEH**

**SARIPAH BINTI MASEALING  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

**Laporan Latihan Diserahkan Kepada**

**Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia**

**2005**

**1100045486**

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Saripah Binti Masealing (UK 8385)** mengaku bahawa laporan latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan.

Tandatangan




Nama: SARIPAH BINTI MASEALING

No. Matrik: UK8385

Tarikh: 19 November 2005

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

Nama: PUAN ROSLINA BINTI ISMAIL

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

## **DEDIKASI**

Untuk ayahanda dan bonda tercinta serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi dorongan serta nasihat ketika menjalani latihan industri. Tidak ketinggalan juga kepada Rosnani binti Mahmud dari Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan Siti Rahimah binti Riduan daripada Universiti Malaysia (UM) yang telah bersama-sama dengan saya menjalani latihan industri di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Seterusnya kepada kakitangan-kakitangan di Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Pembangunan Manusia yang banyak memberikan kerjasama dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyelesaikan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada saya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka semua.

## **LATIHAN INDUSTRI**

Latihan Industri adalah satu subjek yang perlu diambil oleh mahasiswa yang mengikuti program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial sebagai syarat untuk bergraduasi. Latihan Industri ini perlu dilakukan ketika cuti semester Mac dan ianya dilakukan sekurang-kurangnya selama 12 minggu di Institut atau Syarikat yang telah dipilih oleh mahasiswa.

Saya telah memilih untuk menjalani latihan industri di Wisma Felda, Kuala Lumpur. Latihan industri ini bermula dari 21 Mac 2005 sehingga 11 Jun 2005 iaitu selama lebih kurang 12 minggu.

Mahasiswa didedahkan dengan latihan industri ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada mahasiswa melihat sendiri sistem pentadbiran dan sistem operasi yang digunakan oleh syarikat berdasarkan dasar-dasar atau polisi yang terdapat dalam industri tersebut. Selain itu ia juga dapat menyediakan peluang untuk mahasiswa mengamalkan segala yang telah dipelajari secara teori di dalam kelas dan mengasah kemahiran-kemahiran mereka sebagai bekalan untuk menempuhi alam pekerjaan dimasa akan datang. Akhir sekali, ia adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada mahasiswa terhadap situasi sebenar persekitaran dunia pekerjaan dan cabaran yang akan ditempuhi di dalam dunia kerjaya.

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Latihan Industri merupakan satu langkah bijak untuk memdedahkan pelatih dalam dunia pekerjaan. Latihan Industri ini telah dijalankan selama 12 minggu iaitu bermula pada 21 mac 2005 hingga 11 Jun 2005.

Di samping itu Latihan Industri ini juga dapat memberi pengalaman dan pengetahuan kepada pelatih dalam mengaplikasikan apa yang dipelajari secara teori di Universiti dan akan dipraktikkan di organisasi atau syarikat yang dipilih. Berdasarkan Latihan Industri, ia dapat mendedahkan pelatih dalam bidang pentadbiran dan pengurusan, mengenal-pasti sistem yang ada dan juga permasalahan yang dapat dilihat semasa menjalani Latihan Industri sekaligus dapat mengemukakan beberapa bentuk cadangan penyelesaian dalam laporan yang dibuat selepas tamat tempoh latihan dijalankan.

Selain itu juga, latihan industri ini dapat mengetahui sejauhmana pelatih dapat mempraktikkan corak komunikasi mereka dengan pegawai-pegawai, pekerja serta pihak-pihak pelanggan organisasi untuk meningkatkan lagi daya kepimpinan dan keberanian dalam menguruskan sesuatu tugas yang diberikan.

Bagi memenuhi syarat Latihan Industri ini, pelatih telah mengambil keputusan untuk menjalani latihan di Ibu Pejabat Felda, Kuala Lumpur.